



ROYAL GALA DINNER AAGBS

9 Februari 2018 bertempat di Hotel Majestic, Kuala Lumpur telah berlangsungnya Majlis Royal Gala Dinner Arshad Ayub Graduate Business School (AAGBS). Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Selangor serta Tengku Permaisuri Norashikin Tengku Permaisuri Selangor telah mencemar duli berangkat ke majlis makan malam tersebut.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh peneraju pembangunan AAGBS iaitu YBhg. Tan Sri Arshad Ayub yang juga merupakan Pro-Canselor UiTM, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, YBhg. Tan Sri Dato' Academician Ir Dr Ahmad Zaidee Laidin dan Naib Canselor YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said. Pada malam tersebut Tuanku Sultan Selangor telah melancarkan logo baharu AAGBS sebagai langkah baharu untuk penjenamaan AAGBS.

Pengerusi Top Glove, Tan Sri Dr Lim Wee Chai telah menyerahkan replika cek bernilai RM100,000 kepada UiTM. Beberapa syarikat seperti Khazanah Nasional, KPJ Healthcare QSR Brands, Ladang MOCCIS, UMW Toyota, Maybank dan lain-lain turut menyumbang ke tabung dana AAGBS. Makan malam tersebut juga telah dimeriahkan dengan persembahan artis seperti Nora, Sean Ghazi dan ramai lagi.



Amanat Tahun Baharu Naib Canselor 2018

Inovasi dan Kemampanan
Memacu Kecemerlangan Global

29 Januari 2018 | 10.00 Pagi | Dewan Agung Tuanku Canselor



Memahat Azimat Di Hati Warga

Bertemakan Inovasi dan Kemampanan, Memacu Kecemerlangan Global, tanggal 29 Januari 2018 yang lalu, telah berlangsung Amanat Tahun Baharu Naib Canselor yang disampaikan oleh Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said Naib Canselor UiTM.



2018 merupakan tahun digital UiTM, oleh itu UiTM akan mendepani pelbagai cabaran, peluang, tumpuan khusus dimana UiTM perlu mempunyai teras yang kuat untuk mencapai kejayaan. Selain berkongsi dan menyemat hasrat, misi dan visi untuk kelangsungan kecemerlangan dan kegemilangan warga akademik serta pentadbiran, beliau turut berkongsi kegembiraan dan kebanggaan dengan pencapaian yang telah diraih oleh warga serta alumni UiTM sama ada di peringkat nasional mahupun di persada antarabangsa.

Majlis yang dihadiri oleh hampir keseluruhan warga UiTM Selangor di Dewan Agung Tuanku Canselor ini turut dipancarkan secara *live streaming* ke kampus-kampus cawangan di seluruh negara.



Karnival Pendidikan Tinggi Negara 2018

SIDANG REDAKSI

Penaung
Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said

Penasihat
Alfina Bakar

Ketua Editor
Mohammad Syazwan Mohd

Editor
Aida Ahmad Saipuudin
Nurul Afnieza Md Zain

Pereka Grafik
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

Wartawan
Nor Azlina Nordin

Jurufoto
Roslan Daud
Shamsul Hidayat Omar
Shazana Shabuddin
Shahida Nordin

Edaran
Asura Rahman

 @VCUiTM

 UiTM di hatiku
YouTube

 www.uitm.edu.my

 UiTM Rasmi: www.facebook.com/uitmrasm
Lensa Korporat: www.facebook.com/darilensakorporat

Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor



ZON SELANGOR

31 MAC - 1 APRIL

2018

(SABTU & AHAD)

**PADANG KAWAD
UiTM, SHAH ALAM**

8.00 PG - 5.00 PTG

**Bakal
mahasiswa &
orang ramai
dijemput
hadir**

**AKTIVITI MENARIK
MENANTI ANDA**

JPT

**UPU
ONLINE**
UPU.MOHE.GOV.MY

**Jom
Masuk
IPT**

upu.mohe.gov.my